



13 Januari 2014  
13 January 2014  
P.U. (A) 14

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PEMERLUASAN DAN UBAH SUAIAN AKTA DIUS API PERSEKUTUAN 1953) 2014

*FEDERAL TERRITORY OF LABUAN (EXTENSION AND  
MODIFICATION OF THE FEDERATION LIGHT DUES ACT  
1953) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2) 1984**

**PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PEMERLUASAN DAN UBAH SUAIAN  
AKTA DIUS API PERSEKUTUAN 1953) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Dius Api Persekutuan 1953) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2014.

**Pemerluasan Akta dan perundangan subsidiari ke Wilayah Persekutuan Labuan**

2. (1) Akta Dius Api Persekutuan 1953 [*Akta 250*], yang dalam Perintah ini disebut “Akta yang diperluas”, diperluas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua diperluas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

**Ubah suaian Akta yang diperluas dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya**

3. (1) Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan yang berkenaan dengan nama atau nama jawatan sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan peruntukan Akta yang diperluas sebagaimana yang diubah suai.

JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 3(1)]

(1)  
*Peruntukan Akta Dius Api  
Persekutuan 1953*

Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini)

Seksyen 2

(2)  
*Ubah Suaian*

- ... Sebutan mengenai "Peninsular Malaysia" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan".
- ... Potong takrifan "Peninsular Malaysia".
- ... Dalam takrif "ship", masukkan selepas perkataan "Merchant Shipping Ordinance 1952 [Ord. 70 of 1952]" perkataan "as modified under the Federal Territory of Labuan (Modification of the Merchant Shipping Ordinance) Order 1985 [P.U. (A) 31/1985] and extended under the Merchant Shipping (Amendment and Extension) Act 2007 [Act A1316]".